

AKHBAR : BH AHAD
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NASIONAL

Rakyat Malaysia kini hidup bersama COVID-19

Kuala Lumpur: Rakyat Malaysia kini berada dalam fasa hidup bersama virus COVID-19.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata perkara itu diputuskan dalam Mesyuarat Pasca Kabinet peringkat KKM, baru-baru ini.

"Dalam Mesyuarat Pasca Kabinet KKM yang mutakhir, kita membuat keputusan kita akan *live with the virus* (hidup bersama virus) seperti influenza dan virus lain.

"Kita sudah tamat soal pandemik dan segala prosedur operasi standard (SOP) semasa dan ambil sikap untuk memulakan fasa *living with the virus*.

"Apa yang nak saya sebutkan *we are back to normal* (kita kembali pada normal). Jika batuk atau bergejala, jumpa doktor dan dapatkan rawatan.

"Jika berada di kawasan sesak (ketika bergejala) sentiasa lindungi orang lain juga dengan memakai pelitup muka dan menggunakan cecair pembasmi kuman kerana ia sudah biasa kita gunakan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyempurnakan Majlis Pe-

lancaran Gotong Royong Mega Perangi Aedes 1.0 Peringkat Kebangsaan Sempena Sambutan Hari Denggi ASEAN 2024 di Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT), Desa Setia Wira di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah Kesihatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Lt Jeneral Datuk Dr Zulkeffeli Mat Jusoh.

Dr Dzulkefly berkata, dalam persiapan menuju fasa endemik, KKM sentiasa bersiap sedia menghadapi apa sahaja kemungkinan.

"Untuk sekarang, kita sudah bersetuju untuk kembali normal (keadaan sebelum pandemik). Tetapi kita mempunyai kebolehan untuk beraksi semula jika berlaku apa pun dan berkomunikasi dari semasa ke semasa andai berlaku peningkatan kes," katanya.

Peka situasi semasa

Justeru, beliau meminta rakyat sentiasa peka dengan keadaan semasa dan membuat pemantauan dengan melayari data.moh.gov.my.

Katanya, KKM sentiasa menjalankan pemantauan berkenaan COVID-19 dan berharap orang ra-

mai juga sentiasa mematuhi arahan yang diberikan.

Dalam perkembangan lain, Dr Dzulkefly berkata, KKM menambah sembilan lagi lokaliti bagi projek pelepasan nyamuk Aedes BerWolbachia yang mampu menurunkan bilangan kes dengan antara 45 sehingga 100 peratus sejak empat tahun lalu.

Ketika ini, katanya, sebanyak 35 lokaliti pelepasan dilaksanakan di seluruh negara bermula 2019.

Beliau berkata, lapan negeri yang melaksanakan operasi itu adalah Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur; Pulau Pinang, Kelantan, Johor, Pahang, Melaka dan Negeri Sembilan.

"Sembilan lokaliti projek selepas ini ialah di Kelantan, Pahang, Pulau Pinang, Johor dan Kuala Lumpur:

"Kita akan memastikan kawasan tapak binaan turut menjadi tumpuan selepas ini," katanya.

Dr Dzulkefly berkata, KKM berharap menambah jumlah lokaliti projek pelepasan nyamuk Aedes BerWolbachia namun wujud kekangan logistik dan dana.

Justeru, beliau berharap



Dr Dzulkefly (kiri) bersama Dr Zulkeffeli (dua dari kiri) melepaskan nyamuk Aedes Wolbachia di Rumah Keluarga Angkatan Tentera Desa Setia Wira Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Asyraf Hamzah/BH)

projek itu diberi peruntukan dalam Bajet 2025 sebagai sebahagian program memerangi Aedes kerana kos melepaskan seorang nyamuk Aedes BerWolbachia adalah 50 sen.

Mengenai vaksin dengan iaitu Qdenga untuk digunakan indi-

vidu berusia empat tahun ke atas, beliau berkata, ia sudah boleh diperoleh di klinik swasta.

Katanya, pihaknya masih di peringkat mempertimbangkan memberi vaksin itu secara percuma berikutkan kosnya yang terlalu tinggi ketika ini.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 13
RUANGAN : NEGARA

Rakyat Malaysia akan terus hidup bersama virus korona

SOP berkaitan Covid-19 ditamatkan

KUALA LUMPUR – Mesyuarat pasca Cabinet pada minggu lalu memutuskan bahawa rakyat di negara ini akan hidup bersama virus Covid-19 seperti mana virus lain.

Memaklumkan perkara itu, Datuk Seri Dr Zulkefly Ahmad berkata, semua prosedur operasi standard (SOP) berkaitan penyakit itu juga telah ditamatkan.

"Dalam mesyuarat pasca Cabinet, KKM (Kementerian Kesihatan) memutuskan bahawa kita akan hidup dengan virus Covid-19 dan segala SOP sudah ditamatkan.

"Kita mengambil sikap untuk mulakan fasa hidup dengan virus berkenaan seperti influenza, chikungunya yang kita perlu turunkan kes," katanya.

Beliau berkata demikian ketika hadir merasmikan Program Gotong-royong Mega Perangi Ae-des 1.0 peringkat Kebangsaan di Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT) Desa Setia Wira di sini semalam.

Bagaimanapun, menurut Dr.



PENDUDUK Malaysia akan hidup bersama Covid-19 seperti mana virus lain. – GAMBAR HIASAN

Zulkefly, sekiranya seseorang itu mempunyai gejala, orang ramai dinasihatkan supaya sen-

tiasa memakai pelitup muka dan menggunakan cecair pembasmi kuman.

Sebelum ini, KKM memaklumkan Malaysia memasuki fasa peralihan ke endemik pada 1 April

2022.

Langkah itu susulan kejayaan program vaksinasi Covid-19 dan sistem perkhidmatan kesihatan yang berada pada tahap yang terkawal.

Mengulas lanjut, Dr. Zulkefly memberitahu, meskipun negara menuju fasa endemik, KKM sentiasa bersiap sedia menghadapi apa sahaja kemungkinan.

"Untuk sekarang, kita sudah bersedia untuk kembali normal (keadaan sebelum pandemik). Tetapi kita mempunyai kebolehan untuk beraksara semula jika berlaku apa pun dan berkomunikasi dari semasa ke semasa andai berlaku peningkatan kes," kata beliau.

Pada masa sama, Dr. Zulkefly turut meminta orang ramai supaya sentiasa peka dengan keadaan semasa dan membuat pemantauan dengan melayari data. moh.gov.my.

Tambahnya, KKM sentiasa menjalankan pemantauan berkaitan Covid-19 dan berharap orang ramai juga sentiasa mematuhi arahan yang diberikan.

AKHBAR : SINAR AHAD
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NASIONAL

Rakyat di fasa hidup bersama virus Covid-19 - Dr Dzulkefly

KUALA LUMPUR - Rakyat kini berada di fasa hidup bersama virus Covid-19 dan dalam peralihan ke arah meneruskan kehidupan seperti biasa, kata Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

Menurutnya, keputusan itu dibuat semasa mesyuarat pasca-Kabinet peringkat Kementerian Kesihatan (KKM) baru-baru ini.

"Dalam mesyuarat pasca-Kabinet KKM, kita buat keputusan bahawa kita akan sekarang ini hidup bersama virus. Kita ambil sikap untuk memulakan fasa ini sama seperti virus lain seperti influenza dan chikungunya.

"Maknanya kita kini kembali kepada normal, kalau ada berlaku apa-apa KKM sentiasa memantau. Dalam persiapan untuk masa hadapan kita sentiasa ber-

sedia to kembali bertindak, buat masa ini kita kembali kepada normal... komunikasi akan dibuat dari semasa ke semasa andai berlaku kes," katanya dalam sidang akbar di sini pada Sabtu.

Menurut Dr Dzulkefly, rakyat perlu sentiasa peka terhadap perkembangan terkini Covid-19 dengan mengelayari data.moh.gov.my, bagi membolehkan mereka memantau status penularan wabak itu dalam negara.

"Apa yang nak saya sebutkan kita kembali kepada normal. Kalau bergejala pergi jumpa doktor untuk konsultasi dan rawatan. Kalau di kawasan khayak ramai sentiasa menjaga yang lain de-

ngan memakai pelitup muka anda," katanya.

Sementara itu, Dr Dzulkefly berkata, KKM akan menambah sembilan lagi lokalkti bagi projek pelepasan nyamuk Aedes BerWolbachia melibatkan beberapa negeri di Semenanjung termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur tahun ini.

Katanya, inisiatif itu susulan kejayaan dan keberkesan projek tersebut yang mula dilaksanakan pada 2019 dalam usaha memerangi kes denggi.

"Kita akan menambah (lokalkti pelepasan nyamuk berWolbachia) fokus kita di

Kelantan, Pahang, Pulau Pinang, Melaka, Johor termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Saya akan memastikan tapak pembinaan juga menjadi antara fokus hotspot diberikan tumpuan.

"Sehingga kini sebanyak 35 lokalkti pelepasan telah dilaksanakan di seluruh negara dan selepas empat tahun pelaksanaan bilangan kes dengan menurun antara 45 hingga 100 peratus di 19 lokalkti pelepasan yang layak dinilai," ujarnya.

Dr Dzulkefly berkata bagi tempoh Januari hingga 1 Jun 2024, sebanyak 64,629 kes dengan dilaporkan berbanding 48,723 kes bagi tempoh sama tahun lepas dengan peningkatan sebanyak 15,906 kes atau 32.6 peratus.

Beliau berkata dalam tempoh itu juga sebanyak 48 kematian membabitkan kes dengan telah dilaporkan berbanding 34 kematian pada 2023.



DR DZULKEFLY

AKHBAR : SINAR AHAD
MUKA SURAT : 29
RUANGAN : NASIONAL

Pemandu diserang sawan rempuh tiang hospital

MUAR - Akibat diserang sawan ketika memandu, seorang lelaki hilang kawalan sebelum kereta dipandunya terbiasa lalu melanggar tiang konkrit di hadapan Jabatan X-ray Hospital Pakar Sultanah Fatimah di sini pada Jumaat.

Menurut Ketua Polis Daerah Muar, Asisten Komisioner Raiz Mukhliz Azman Aziz, kejadian berlaku jam 10.20 malam ketika lelaki tersebut bersama rakannya dalam perjalanan dari Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru ke hospital berkenaan.

"Slasatan awal mendapati kemalangan berlaku ketika pemandu kereta jenis Proton Saga berusia 30 tahun dipercayai

mengalami sawan.

"Keadaan itu menyebabkan pemandu yang juga pekerja syarikat pembekalan barang ortopedik hospital hilang kawalan dan melanggar tiang batu di hospital.

"Akibat perlenggaran ini, mangsa tidak sedarkan diri dan dirawat di zon merah di hospital berkenaan sementara rakannya berusia 28 tahun dirawat di zon kuning hospital sama akibat sakit dada," katanya dalam satu kenyataan pada Sabtu.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 43 Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987.

Terdahulu, kejadian itu tular di laman sosial Facebook dan mendapat pelbagai reaksi.



Tangkap layar kemalangan di Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar yang tular di media sosial.

AKHBAR : SUNDAY STAR
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NATION

Govt still mulling using costly Qdenga vaccine

By JUNAID IBRAHIM
 junaid.ibrahim@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: Despite the conditional registration approval for a dengue vaccine recently, the government still needs time to consider its inclusion in the National Immunisation Programme, says Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

This was mainly due to the high cost of the Qdenga vaccine, of which the National Pharmaceutical Regulatory Agency (NPRA) had approved a conditional registration earlier in February.

"The NPRA has given conditional registration to the dengue vaccine manufactured by Takeda (Takeda Pharmaceutical) and it is already available in the private sector for the public.

"The issue is when we can include it in the National Immunisation Programme. It will take a long time to do so as we need to take into account the budget allocation (for the vaccines)," he told reporters at Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT) here yesterday after launching the national-level Program Gotong Royong Mega Perangi Aedes 1.0 in conjunction with the Asean Dengue Day 2024.

On Feb 8, the 393rd Drug Control Authority meeting approved the conditional registration for the Qdenga dengue vaccine, which is used to prevent dengue fever in people aged four and above.

It was reported that Takeda would sell the vaccine at a discounted rate in emerging markets at a one-third discount of its European pricing.

The vaccine was approved for use in Indonesia where it was priced at US\$80 (RM373) for a course of two shots.



Having a closer look: Dzulkefly looking at samples of Wolbachia mosquitoes displayed at the launch of the Gotong Royong Mega Perangi Aedes event here yesterday. — Bernama

WATCH THE VIDEO
TheStarTV.com



Meanwhile, Dzulkefly said his ministry has submitted the request to get an allocation to expand the Wolbachia mosquitoes project in the fight against Aedes.

"We would like to see a national rollout (of Wolbachia mosquitoes project). We will ensure an allocation through Budget 2025."

"We have submitted a request for the project allocation as part of the Cabinet Committee to Combat Dengue programme.

"For the time being, each Wolbachia mosquito costs us 50sen, that's how valuable it is," he said.

As of last December, Wolbachia-infected mosquitoes have been released in 35 localities in several states such as Kuala Lumpur, Selangor and Penang among others.

Dzulkefly said since the introduction of the project in 2019, 19 out of the total localities had recorded a decrease in dengue cases between 43% and 100%.

"The successful implementation of the programme has made us among the leaders in the Wolbachia mosquitoes project.

"We've received visits from other countries (to learn about

the project), for example, a delegation from Burkina Faso who took part in a crash-course programme with us," he added.

Wolbachia is a bacterium and a form of biological control that is naturally occurring in 60%-70% of insects, spiders and nematodes.

It is usually introduced into Aedes mosquitoes to prevent the transmission of dengue viruses.

The Wolbachia bacteria stops the dengue virus from replicating, so the mosquito does not spread the virus when it bites.

FORMORE:

See pages 24 & 25

Dzul: It's the 'living with Covid-19' phase now

KUALA LUMPUR: The people are currently in the phase of living with the Covid-19 virus and in the transition towards continuing life as usual, says Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

He said this distinction was decided at a post-Cabinet meeting at the Health Ministry level recently.

"In the post-Cabinet meeting of the ministry, we made a decision that we will now live with the virus.

"We take the attitude to start this phase of living with the virus like all other viruses such as influenza and Chikungunya.

"If anything happens, the Health Ministry is always monitoring ... we are always ready to bounce back into action.

"There will be communications from time to time if there are cases," he told a press conference after officiating the Gotong Royong Mega Perangi Aedes 1.0 National Level programme in conjunction with Asean Dengue Day 2024 at the Armed Forces Family Housing in Setia Wira Village here yesterday, Bernama reported.

Dzulkefly also advised the people to always be aware of the latest developments of Covid-19 by visiting data.moh.gov.my to enable them to monitor the status of any outbreak in the country.

"If you have symptoms, go see a doctor for consultation and treatment; if you are in public areas, always protect others by wearing a face mask," he said.